

Terma & Syarat

PERLEMBAGAAN KHARIAT KEMATIAN

SURAU AL-IKHLAS
TAMAN DESA CEMPAKA 2



16 DISEMBER 2022

PERLEMBAGAAN KHAIRIAT KEMATIAN SURAU AL IKHLAS TAMAN DESA CEMPAKA 2 BANDAR BARU NILAI, 71800, NEGERI SEMBILAN

FASA 1: NAMA

Nama pertubuhan dikenali dengan nama TABUNG KHARIAT KEMATIAN SURAU AL IKHLAS TAMAN DESA CEMPAKA 2. Selepas ini disebut sebagai `Pertubuhan`. Tabung Khariat Kematian Surau Al Ikhlas ini berada dibawah Pengurusan Surau Al Ikhlas dimana Timbalan Pengerusi Jawatan Kuasa Kebajikan akan menjadi Pengerusi Khariat Kematian SURAU AL IKHLAS TAMAN DESA CEMPAKA 2 secara automatik.

FASA 2: ALAMAT BERDAFTAR

Alamat berdaftar pertubuhan ini di alamat: SURAU AL-IKHLAS TAMAN DESA CEMPAKA 2, BANDAR BARU NILAI, 71800, NEGERI SEMBILAN



FASA 3: TUJUAN & MATLAMAT



Tujuan pertubuhan ini untuk menggalakan ahli bersatu dan bekerjasama memberikan bantuan kewangan apabila berlaku kematian kepada ahli atau tanggungannya. Bertanggungjawab membantu keluarga si mati menyempurnakan pengkebumian jenazah si mati seterusnya mengeratkan hubungan di antara sesama ahli.

FASA 4: KEAHLIAN

4.1 Terbuka kepada semua anak KARIAH DISEKITAR DESA CEMPAKA 1,2,3 / CEMPAKA COURT/SRI CEMPAKA / CEMPAKAPURI / RUMAH PANGSA CEMPAKA / WARISAN VILLA

yang berkeluarga dan perseorangan. Seseorang yang ingin / berhasrat menjadi ahli hendaklah memohon, mendaftar namanya dan nama-nama tanggungannya seperti dalam kad pengenalan beserta umur dan nombor telefon yang lengkap. Ahli juga perlu meletakkan penama (boleh lebih daripada seorang) dengan lengkap yang mudah untuk dihubungi.

4.2 Umur kelayakan bagi dewasa ialah 18 hingga 69 tahun pada tarikh ulang tahun kelahiran terkini manakala kanak-kanak adalah di antara 6 bulan hingga 17 tahun pada tarikh ulang tahun kelahiran. Anak - anak yang berumur melebihi 18 tahun tetapi kurang dari 23 tahun layak dilindungi sekiranya masih di bawah tanggungan ibu bapa masing-masing atau masih belajar secara sepenuh masa di institut pengajian tinggi.

4.3 Anak angkat, ditakrifkan sebagai anak yang dibela sejak kelahirannya dan hendaklah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

4.4 Anak tiri, ditakrifkan sebagai anak kepada seorang duda / janda yang dikahwini semasa tempoh sijil berkuatkuasa layak dilindungi.

4.5 Anak yang cacat, berumur di antara 6 bulan hingga 23 tahun masih dibawah tanggungan ahli, dan apabila telah berumur 23 tahun dan ke atas hendaklah mendaftar sebagai ahli baru.

4.6 Perkahwinan merujuk kepada ahli yang berkahwin selepas menjadi Ahli, maka suami / isteri berkenaan serta tanggungannya (jika ada) layak dimasukkan sebagai keluarga asas.

4.7 Taraf keahlian masih kekal walaupun berpindah ke tempat lain dengan syarat memaklumkan kepada AJK secara bertulis dan terus membayar yuran.

4.8 Setiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah memahami dengan teliti perlembagaan, mengisi borang yang disediakan dan diserahkan kepada Setiausaha untuk dibawa pertimbangan jawatankuasa. Pemohon akan dimaklumkan dalam tempoh lima hari selepas diluluskan secara bertulis. Jawatankuasa berkuasa/berhak meluluskan atau menolak permohonan.

4.9 Ahli yang berhasrat untuk berhenti menjadi ahli hendaklah memberi kenyataan bertulis iaitu dua minggu lebih awal kepada setiausaha dan membayar semua yuran yang tertunggak.

4.10 Sekiranya seseorang ahli mempunyai dua orang isteri, maka pendaftaran hendaklah dalam dua permohonan berbeza. Begitu seterusnya jika tiga isteri maka tiga pendaftaran keahlian, empat isteri maka empat pendaftaran keahlian. Sekiranya berlaku pengurangan jumlah isteri dan berhasrat melepaskan tanggungan, notis secara bertulis hendaklah dimajukan kepada setiausaha untuk rekod dan perlu menjelaskan semua yuran tertunggak. Tiada sebarang bayaran balik oleh pertubuhan samada yuran pendaftaran mahupun yuran kutipan kematian ahli sekiranya berlaku kes yang disebut di atas

4.11 Peserta baru tidak akan dilindungi dari sebarang tuntutan kematian dalam tempoh masa 30 hari daripada tarikh sijil berkuatkuasa.

4.12 Sekiranya seseorang ahli meninggal dunia, penama pertama boleh menyambung keahlian tanpa perlu mendaftar semula dengan hanya memaklumkan kepada pertubuhan secara bertulis dan memasukkan tanggungan yang baharu. Seandainya penama pertama meninggal dunia mendahului ahli, penama kedua akan menyambung keahlian sekiranya berlaku kematian ke atas ahli dengan proses yang sama seperti di atas. Proses penyambungan adalah mengikut hiraki atau susunan nombor penama oleh ahli.

FASA 5: SYARAT MENJADI AHLI

- 5.1 Setiap ahli baru hendaklah membayar yuran/bayaran pendaftaran sebanyak RM 50.00 dan tidak akan dikembalikan walaupun berhenti menjadi ahli.
- 5.2 Ahli-ahli yang disahkan menjadi ahli dan membayar wang pendaftaran berhak menerima apa bayaran yang berkaitan daripada pertubuhan ini secara automatik.
- 5.3 Ahli-ahli yang berhenti menjadi ahli tidak berhak menerima bantuan kematian dan menuntut balik apa-apa wang yang telah dibayar.

FASA 6: YURAN


6.1 Setiap ahli hendaklah membayar yuran sebanyak RM 50 setahun termasuk perlindungan takaful dan bayaran hendaklah dijelaskan selewat lewatnya pada 31 hb Mac setiap tahun. Bayaran hendaklah diserahkan kepada pemungut yang telah dilantik di kalangan ahli Jawatankuasa atau bayaran terus ke akaun Bank Khariat Kematian

6.2 Keahlian akan terbatal jika Ahli tidak lagi membayar yuran selama 2 tahun berturut turut.

FASA 7: KEWANGAN

- 7.1 Wang pertubuhan hanya boleh digunakan untuk perkara berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan pertubuhan termasuk belanja mengurus dan pentadbiran.
- 7.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada dua bayaran kematian ahli/tanggungan ahli pada satu-satu masa. Lebihan wang kutipan / sumbangan akan dimasukkan ke dalam akaun pertubuhan.
- 7.3 Pendapatan lain seperti sumbangan akan dimasukkan terus ke akaun pertubuhan.

7.4 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada kira-kira pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi dan Bendahari atau Pengerusi dan Setiausaha sahaja. Perbelanjaan melebihi RM 5,000.00 (*Ringgit Malaysia Lima Ribu*) tidak boleh dibayar tanpa kelulusan dalam mesyuarat jawatankuasa. Perbelanjaan melebihi RM 10,000.00 (*Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu*) hanya boleh dibayar setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Surau Al-Ikhlas. Walau bagaimanapun pembayaran Fasal 8 tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. (*Rujuk FASA 8*)



7.5 Penyata dari wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh dua orang Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dalam Mesyuarat Agung. Penyata kewangan yang di audit hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli.


7.6 Tahun kewangan Pertubuhan ini bermula daripada 01 hari bulan Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

FASA 8: BANTUAN KEMATIAN

**Kematian ahli
RM 1,300.00**

**Kematian isteri /suami ahli
RM 1,300.00**

**Kematian anak/anak angkat
RM 1,300.00
(bawah tanggungan)**



PERINCIAN KOS PENGURUSAN JENAZAH

- Liang Lahad : RM600
- Kain kapan : RM250
- Mandi Jenazah : RM200
- Siak : RM 50
- Imam : RM100
- Pemandu Van : RM100

Jumlah : RM1300



Perubahan jumlah bayaran setiap kematian ahli atau tanggungan tertakluk kepada perubahan yang diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan.

FASA 9: SYARAT BANTUAN

9.1 Kematian Ahli dan Tanggungannya

9.2 Kematian ahli dan tanggungannya seperti yang telah termaktub di dalam pelebagaan akan diuruskan sepenuhnya oleh Bahagian Pengurusan Jenazah Surau dan semua kos pengurusan jenazah terkini sebanyak RM 1300 akan ditanggung oleh Khariat Kematian Surau Al-Ikhlas dan jika sebahagian pengurusan jenazah diuruskan oleh badan lain, hanya wang baki pengurusan sahaja akan diserahkan kepada ahli/waris. Sekiranya penghantaran jenazah keluar kawasan iaitu Lembah Klang, Putrajaya dan seluruh Negeri Sembilan adalah percuma, manakala luar dari kawasan tersebut adalah RM2.50/KM.

9.2 Kematian Bukan Ahli

Kematian bukan Ahli akan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Jenazah Surau dengan bayaran penuh dari ahli/waris keluarga. Pihak Pengurusan Khariat Kematian akan membantu menyediakan Van dari Surau ke Tanah Perkuburan di bawah JHAEINS terdekat secara percuma dan sekiranya di luar daripada kawasan, akan diputuskan oleh AJK berdasarkan perkiraan berikut:

- Dari hospital Lembah Klang, Putrajaya dan seluruh Negeri Sembilan adalah RM100, dan luar dari kawasan tersebut adalah RM2.50/KM.
- Penghantaran jenazah ke luar kawasan iaitu Lembah Klang, Putrajaya dan seluruh Negeri Sembilan adalah RM100, dan luar dari kawasan tersebut adalah RM2.50/KM.

FASA 10: PENTADBIRAN

10.1 Kuasa yang tertinggi di dalam pertubuhan ini terletak di atas Mesyuarat Agung Tahunan. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dua tahun sekali untuk mentadbir pertubuhan dan mereka akan memegang jawatan selama dua tahun.

10.2 Ahli-ahli Jawatankuasa pentadbiran terdiri daripada :

- Pengerusi
- Setiausaha
- Bendahari
- Lima orang ahli jawatankuasa.
- Dua orang pemeriksa kira-kira

10.3 Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Jenazah terdiri daripada :

Pengurusan jenazah lelaki

- Penasihat
- Empat AJK

Pengurusan Jenazah wanita

- Penasihat
- Empat AJK



10.4 Nama-nama untuk jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan dipilih dua tahun sekali dengan cara mengundi semasa Mesyuarat Agung Tahunan. Ahli jawatankuasa yang hendak dilantik hendaklah di kalangan ahli Khariat Kematian Surau Al-Ikhlas. Semua pegawai atau ahli jawatankuasa boleh dilantik semula setelah tamat tempoh perkhidmatan.

10.5 Semua ahli yang berkhidmat di dalam jawatankuasa mestilah warganegara Malaysia.

FASA 11: TUGAS / KEWAJIPAN AHLI JAWATANKUASA

11.1 Tugas ahli jawatankuasa adalah untuk mengelola dan mengatur kerja-kerja harian pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Tahunan. Jawatankuasa tidak boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan apa yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

11.2 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali atau maksimum 4 kali kali setahun. Pengerusi boleh menjalankan mesyuarat jawatankuasa bila-bila masa atas keperluan dengan kehadiran sekurang-kurangnya separuh daripada ahli hadir untuk mengesahkan perjalanan dan mencukupi korum.

11.3 Sekiranya timbul perkara mustahak atau kecemasan, mesyuarat jawatankuasa boleh dijalankan oleh setiausaha dengan mendapatkan kelulusan bertulis daripada ahli jawatankuasa dengan mengedarkan surat.

11.4 Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat Agung Tahunan / Mesyuarat Agung Khas serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat.

11.5 Setiausaha akan membantu pengerusi menjalankan urusan pentadbiran pertubuhan dalam masa ketiadaan pengerusi kecuali membuat keputusan berkaitan hal-hal kewangan. Pengerusi hendaklah menurunkan surat kuasa kepada setiausaha untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran pertubuhan sepanjang tempoh ketiadaan beliau kecuali keputusan berkaitan kewangan. Setiausaha juga bertanggungjawab mengurus segala surat-menyurat bagi pihak pertubuhan, menyimpan segala peringatan mesyuarat jawatankuasa, Mesyuarat Agung Tahunan/Mesyuarat Agung Khas, menjaga buku peringatan tentang perjalanan pertubuhan serta menjalankan tugas-tugas yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha.

Search



11.6 Buku-buku daftar ahli hendaklah mengandungi butiran berikut :

- Bilangan ahli
- Nama Ahli
- Tarikh menjadi ahli
- Umur/tarikh lahir
- No. Kad Pengenalan
- Alamat rumah/alamat tempat kerja(Majikan)
- Nama-nama tanggungan .
- Nama waris.





11.7 Bendahari bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan pertubuhan. Bendahari hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira kewangan pertubuhan serta bertanggungjawab di atas keputusannya. Bendahari juga merupakan salah seorang penandatangan cek.

11.8 Ahli-ahli jawatankuasa hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat, dan membantu pegawai di atas menjalankan tugas.

11.9 Pemeriksa Kira-kira berperanan menyemak dan mengesahkan penyata kewangan Mesyuarat Agung Tahunan.

FASA 12: MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- 12.1 Mesyuarat Agung Tahunan mestilah diadakan dalam tempoh dua puluh empat bulan daripada tempoh Mesyuarat Agung Tahunan sebelumnya.
- 12.2 Sekurang-kurangnya $\frac{1}{4}$ daripada jumlah ahli untuk mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum.
- 12.3 Sekiranya kehadiran ahli tidak mencukupi korum setengah jam selepas daripada waktu yang ditetapkan mesyuarat hendaklah ditangguhkan dan dijalankan semula dalam tempoh 30 hari.
- 12.4 Setiausaha hendaklah mengeluarkan notis 14 hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 12.5 Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan :
- i. Difikirkan mustahak oleh jawatankuasa.
 - ii. Permintaan $\frac{1}{5}$ atau lebih jumlah ahli secara bertulis dengan menyertakan tujuan yang konkrit dan jelas.
 - iii. Mesyuarat hendaklah diadakan dalam tempoh sebulan daripada tarikh yang dipohon.

FASA 13: LAIN-LAIN

Sekiranya timbul permasalahan atau isu dalam pengurusan khairat dan tiada tercatat dalam perlembagaan maka mandat penyelesaian diserahkan kepada ahli jawatankuasa untuk dibincang, diputuskan dan diselesaikan dalam mesyuarat jawatankuasa. Keputusan hendaklah diterima oleh semua ahli.

AKAUN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI TAHUN 2022



16 DISEMBER 2022

PERKARA \ KETERANGAN WANG MASUK (PENERIMAAN) WANG KELUAR (PEMBAYARAN)


A) BAKI BERAKHIR 2021

i) DI BANK	RM 63,272.71
ii) DI TANGAN	RM 6,300.00

B) BAYARAN KEMATIAN AHLI (9 ORANG) RM 11,700.00

C) PERBELANJAAN

i) SERVIS VAN	RM973.40
iii) RESIT	RM380.00
v) REFILL INK (COP)	RM12.00
vii) PENYUSUNAN SEMULA DOKUMEN	RM400.00
ix) BANNER MESYUARAT AGUNG	RM150.00



ii) LAMINATE FILM	RM28.80
iv) UNI BROWN (FAIL)	RM 19.00
vi) LAPTOP	RM1,600.00
viii) DATABASE	RM800.00



D) PENGELUARAN WANG

i) CEK NO : 389666	RM 1,310.50
ii) CEK NO : 389667	RM 3,000.00

E) KUTIPAN

i) AHLI	RM 15,550.00
ii) TUNGGAKAN	RM 1,550.00
iii) DEPOSIT AHLI BARU	RM 2,250.00
iv) TABUNG DAN INFAQ	RM 11,244.86

F) JUMLAH WANG MASUK
RM 100,167.57



G) JUMLAH WANG KELUAR
RM 20,373.70



H) BAKI DI BAWA KEHADAPAN

i) DI BANK (2/12/2022)	RM 75,693.87
ii) DI TANGAN *(TUNAI)	RM 4,100.00

I) JUMLAH KESELURUHAN

RM 79,793.87





AJK Pengurusan Jenazah Kita kekal kan



Jawatankuasa 7 org AJK pengurusan JENAZAH

PENGURUSAN JENAZAH LELAKI

- Tn Hj Halim bin Musa
- En Mazlan bin Abdul Hamid
- En Kamaruzaman bin Ramli
- En Mohd Nasrul bin Nasir
- En Mohd Nazrul Azman bin Hamzah

PENGURUSAN JENAZAH WANITA

- Pn Roslinda bt Husin
- Puan Norshazlyn binti Ismail